

26 JUN 2001

Najib-Islam

DUNIA IKTIKRAF ISLAM DI M'SIA, KATA NAJIB

PEKAN, 26 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pemilihan Malaysia sebagai ibu pejabat Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam, merupakan satu pengiktirafan dunia terhadap perjuangan Islam di Malaysia.

Pemilihan itu membuktikan peranan kerajaan Malaysia dalam menegakkan Islam di negara ini yang juga perlu diakui oleh parti pembangkang seperti PAS.

"Sebenarnya banyak aspek yang boleh kita banggakan, dan usaha kita melaksanakan perbankan Islam di Malaysia diiktiraf di dunia Islam sebagai mendahului negara-negara lain.

"Dan kita diiktiraf bakal menjadi ibu pejabat Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam, maka itu satu pengiktirafan yang tidak boleh diperkecilkan oleh sesiapa," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada pesta Mengemping dan Menuai di Kampung Pulau Jawa, di sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah. Turut hadir ialah Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom, Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bersetuju memilih Malaysia sebagai ibu pejabat Pertubuhan Kewangan Islam itu.

Perjuangan Umno ialah perjuangan agama Islam dan tidak ada konsep sekular atau negara sekular seperti yang didakwa pihak PAS terhadap pimpinan kerajaan yang diterajui Umno itu.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata PAS tidak seharusnya menafikan peranan yang telah dimainkan oleh kerajaan di bawah pimpinan Umno dalam usaha menegakkan Islam: "Kalau mereka menafikan, itu bermotifkan politik."

"Kalau PAS benar-benar umat Islam yang mempunyai niat baik dan mulia, mereka tidak boleh nafikan bahawa kita telah perjuangkan Islam sehingga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa," katanya.

"Islam adalah agama yang menyatukan dunia dan akhirat, kedua-duanya wajib.... Islam itu luas, satu agama yang sangat luas tetapi yang menyempitkan Islam itu ialah parti PAS yang mentafsirkan Islam secara sempit dan membuat pengertian jumud dan kolot," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor semalam bahawa PAS bertekad menyerang imej Umno habis-habisan, Najib berkata Umno tidak takut dengan kenyataan sedemikian.

"Kalau mereka ugut untuk mengancam kita, kita tetap akan berjuang habis-habisan untuk membela dan mempertahankan imej Umno dan persepsi orang ramai terhadap kerajaan," katanya.

Fadzil dilaporkan berkata PAS bertekad menyerang habis-habisan imej Umno serta membongkar apa yang didakwanya sebagai penyelewengan yang dilakukan oleh parti pemerintah.

Sementara itu Menteri Besar Pahang berkata kenyataan sedemikian jelas menunjukkan tembelang PAS yang selama ini mendakwa memperjuangkan Islam.

"Satu parti yang memperjuangkan Islam cuba menjatuhkan imej orang lain?," katanya sinis.

"Untuk menegakkan Islam bukan hanya pada slogan, "jual" ayat suci Al-Quran tetapi perlu melaksanakannya...kepimpinan Umno jelas melaksanakan syiar Islam melalui usaha perbankan Islam, penubuhan Universiti Islam dan

sebagainya, saya harap rakyat akan sedar pembohongan PAS selama ini,"
katanya.

-- BERNAMA

MS PR